

**Setiausaha Negara AS Tiba Untuk Hadiri GES 2013**  
**Bernama**  
**10 Oct, 2013**

PETALING JAYA, 10 Okt (Bernama) -- Setiausaha Negara Amerika Syarikat, John Kerry tiba di sini Khamis untuk lawatan dua hari mewakili Presiden Barack Obama di Sidang Kemuncak Keusahawanan Global 2013 (GES) keempat, bermula Jumaat.

Kerry, yang tiba dari Bandar Seri Begawan selepas menghadiri Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS), akan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak sebelum perasmian GES.

Najib akan merasmikan sidang kemuncak itu yang mengumpulkan para usahawan dari Timur Tengah, Asia Selatan, Asia Tenggara dan AS. Ia akan menyediakan platform penting kepada perangkaian, bertukar-tukar pengalaman, pengetahuan dan membentuk sekutu perniagaan.

Kerry akan menyampaikan ucap tama khas Jumaat di acara dua hari GES 2013 itu, bertemakan 'Memperkasa dan Menghubungkan Usahawan' yang dijangka dihadiri 3,900 delegasi dari lebih 100 buah negara.

Senator AS itu disertai oleh Wakil Perdagangan AS Michael Frohman, Penolong Setiausaha Negara Danny Russel dan Setiausaha Perdagangan Penny Pritzker.

Obama, yang dijadual berucap di sidang kemuncak itu, telah membatalkan lawatannya ke Malaysia untuk menangani krisis penutupan sebahagian daripada kerajaannya.

Berada di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia, Subang, menyambut Kerry ialah Timbalan Menteri Luar, Datuk Hamzah Zainuddin.

GES telah berjaya menyatukan antaranya para penggubal dasar, usahawan, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), pemegang kepentingan, pelabur, pemimpin korporat, pertubuhan bukan kerajaan dalam membincangkan sokongan dan pembangunan ekosistem PKS.

Sidang Kemuncak GES di Malaysia setakat ini telah menarik jumlah terbesar peserta sejak diperkenalkan pada 2010 di Washington. Ia, antaranya akan melihat kepentingan semangat keusahawanan terutamanya dalam kalangan belia seluruh dunia bagi memacu kemajuan sesebuah ekonomi dan pembangunan negara.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=984747>